

25 OCT 1996

Cuepacs :

CUEPACS AKAN MEMBINCANGKAN ISU SSB DENGAN DR M PADA SELASA

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Pegawai-pegawai Cuepacs akan meminta sistem matriks di bawah Skim Saraan Baru (SSB) dikaji semula semasa pertemuan mereka dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Selasa ini, kata Setiausaha Agungnya N.Siva Subramaniam.

Beliau berkata, Cuepacs berpendapat sistem matriks di bawah SSB yang diperkenalkan pada 1992 perlu dikaji semula untuk menyesuaikan dengan peredaran masa.

Cuepacs berpendapat ada kepincangan dalam sistem itu, kata beliau kepada Bernama di sini, hari ini.

Siva berkata, Timbalan Presiden Cuepacs Aziz Sultan akan mengetuai delegasi 13 orang untuk menemui Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi membincangkan isu-isu termasuk menaikkan elaun perumahan bagi kakitangan kerajaan.

Presiden Cuepacs Mohamad Mat Jid tidak menyertai pertemuan itu kerana mengerjakan umrah.

Cuepacs, kata beliau, telah mencadangkan supaya elaun perumahan dinaikkan daripada RM90 bagi Kumpulan Sokongan serta RM110 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional kepada RM230.

"Satu lagi perkara yang akan dibangkitkan ialah isu pencen yang mana kita cadangkan pencen dibayar mengikut tempoh perkhidmatan," kata Siva.

"Kita akan bertemu dengan Perdana Menteri dengan minda yang terbuka dan berharap akan ditunjukkan arah yang betul," kata beliau lagi. -- BERNAMA

ES PR